

**ASAS KEUSAHAWANAN  
(ETR 300)**

**ALUNAN DAMAI SUTERA ENTERPRISE**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**EN. AMRAN AWANG  
PENSYARAH ETR 300  
KOORDINATOR MEDEC  
ITM CAWANGAN PERLIS**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**NUR JORAIDAH AZIZ  
ALSHIMA ABDUL AZIZ  
AFZAN ZAINUDDIN  
ROSMIZAN IBRAHIM  
FAZZLINA MOHD ADNAN KHAN**

**TARIKH PENYERAHAN :**

**17 APRIL 1996**

**DIPLOMA IN BANKING STUDIES  
5B**

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
KANDUNGAN	(i)
SURAT PENGESAHAN PELAJAR	(ii)
SURAT PENGESAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	(iii)
MUQADDIMAH	1
PENGHARGAAN	2
PERJANJIAN PERKONGSIAN	4
SINOPSIS	9
LOGO	11
KETERANGAN LOGO	12
Pengenalan	13
TUJUAN	14
LATAR BELAKANG SYARIKAT	15
LATAR BELAKANG PEMILIK SYARIKAT	16
LATAR BELAKANG PROJEK <i>Location</i>	21
ASPEK PENGURUSAN	25
ASPEK PEMASARAN	41
ASPEK PENGELUARAN	58
ASPEK KEWANGAN	76
RUMUSAN	99
LAMPIRAN	100

## **SINOPSIS**

- Nama Syarikat** : Alunan Damai Sutera Enterprise
- Jenis Perniagaan** : Perniagaan Perkongsian ( terdiri daripada 5 orang rakan kongsi ) Operasi akan bermula pada 1.1.1998.
- Lokasi** : Alamat kilang ialah  
Lot 4449, Batu 11 1/2,  
Jalan Semadong,  
02400 Beseri, Perlis.
- Jenis Perusahaan** : Menjalankan operasi mengeluarkan batik sutera. Pengedaran tertumpu di kawasan Utara iaitu Kedah dan Perlis.
- Bahan Mentah** : Syarikat kami akan mendapatkan bekalan bahan mentah dengan membuat pesanan terus daripada syarikat yang sama setiap bulan.
- Modal** : Alunan Damai Sutera Enterprise memerlukan modal sebanyak RM 200000 untuk memulakan perniagaan. Sumbangan sebanyak RM 148000 oleh rakan kongsi. Salah seorang rakan kongsi telah menyumbangkan tanah bernilai RM 50000. Sebanyak RM 40000 lagi dibiayai oleh Bank Islam Malaysia Berhad melalui sewa beli kenderaan.

- Pengangkutan** : Bagi tujuan pengangkutan, Alunan Damai Sutera Enterprise membuat sewa beli ke atas sebuah van. Ia sebagai kenderaan untuk pemasaran barangan.
- Persaingan** : Syarikat kami akan menghadapi persaingan dari industri yang sama yang telah lama bertapak.

## PENGENALAN

Selaras dengan kerajaan, syarikat ini ditubuhkan bagi melahirkan lebih ramai pengusaha bumiputera di dalam bidang perniagaan. Memandangkan di kawasan utara ini tidak ramai pengusaha batik sutera, kami telah memilih lokasi di sini. Selain itu penubuhan syarikat ini adalah bagi memenuhi kehendak pelanggan yang sentiasa mempunyai citarasa berbeza. Untuk memenuhi citarasa pelanggan, kami begitu mementingkan kualiti dan mempelbagaikan corak-corak pada keluaran kami dari semasa ke semasa. Kami berkeyakinan penuh, perusahaan ini dapat memberi pulangan yang tinggi kerana persaingan yang wujud di kawasan ini kurang. Penubuhan syarikat ini adalah seiring dalam menyahut seruan kerajaan bagi menggalakkan bumiputera dalam memberi perkhidmatan dan kemudahan awam samada secara langsung atau tidak langsung.

Di samping itu juga, kami mendapati keluaran ini dapat disesuaikan pada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan wanita yang inginkan sesuatu yang cantik dan indah. Insyaallah, moga-moga usaha yang dilakukan ini akan mendapat keberkatan daripadanya. Segala yang baik itu semuanya datang daripada Allah dan segala yang lemah itu dari kami sendiri.